



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

11 OGOS 2024 (AHAD)

PENGANIAYAAN HAIWAN | Tambah Baik Undang-Undang Kebajikan Haiwan, Denda Lebih Berat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Laporan Khas	Online	10 Ogos



Tangkapan Layar daripada Facebook Rasmi Buletin TV3

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang Siasat Kes Kucing Tergantung Belakang Kenderaan 4X4

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	9 Ogos



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Cuaca panas dan kemarau yang dialami negara ketika ini, menyebabkan penternak ayam tempatan berdepan situasi tumbesaran ternakan yang perlahan, seterusnya pengeluaran yang bersaiz kecil.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, berkata tumbesaran ayam kini merosot sehingga kira-kira 70 peratus akibat cuaca panas berkenaan.

"Lazimnya, dalam tempoh 35 hari tumbesaran ayam, berat

ternakan akan mencapai tiga kilogram (kg), namun ketika ini dalam tempoh yang sama, berat ayam hanya mencapai kira-kira 1kg sahaja.

"Cuaca di negara ini bukan sahaja panas, malah kelembapan persekitaran yang tinggi boleh menyebabkan ayam sukar menghilangkan haba daripada badan," katanya kepada BH.

Jeffrey berkata, kesan haba menyebabkan ayam hilang selera makan, sama seperti manusia dan secara langsung pertumbuhan unggas itu

akan terjejas.

"Paling kritikal adalah ayam ternakan di reban terbuka kerana terdedah dengan cuaca panas secara langsung, sekali gus menyebabkan ayam berkenaan hilang selera makan.

"Bagi mengurangkan suhu panas di dalam reban, penternak akan memasang kipas besar supaya ruang udara di dalam reban sentiasa bergerak," katanya.

Jeffry berkata, penternak tidak melakukan kaedah penyiraman air di dalam reban kerana tidak mahu perbuatan itu menjadi punca pencemaran alam sekitar.

"Sekiranya penternak sering melakukan kaedah itu, ia akan menyebabkan kehadiran lalat yang banyak di kawasan ladang, sekali gus mengundang kritikan daripada penduduk sekitar ladang," katanya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Muhammad Helmi Abdullah, sebelum ini dilaporkan berkata taburan hujan yang rendah dijangka berterusan hingga bermula fasa peralihan monsun dengan situasi itu menyebabkan Malaysia berdepan cuaca lebih panas dan kering hingga pertengahan September

depan.

Katanya, keadaan itu berlaku berikutan negara berada dalam musim Monsun Barat Daya sejak 17 Mei lalu.-
[BHONLINE](#)

Penternak Ayam Berdepan Kerugian Akibat Kurang Permintaan Di Pasaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	9 Ogos



Gambar hiasan BERNAMA

KUALA LUMPUR: Penternak ayam tempatan ketika ini menanggung kerugian besar akibat kekurangan permintaan di pasaran yang memaksa mereka menurunkan harga.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, berkata penternak terpaksa menanggung kerugian hampir 40 hingga 50 peratus akibat keadaan itu.

Katanya, ayam di ladang ketika ini tidak laku, malah pemborong yang sebelum ini memborong 100 bakul ayam,

kini hanya membeli 50 hingga 60 bakul.

"Walaupun saiz ayam terbantut, terdapat juga ayam mencecah berat sehingga tiga kilogram (kg) dan penternak terpaksa menjual ayam dengan harga yang murah kepada pemborong.

"Penternak terpaksa menjual harga ayam RM5 bagi satu kg ayam di peringkat pemborong dan ia tidak mendatangkan isu kenaikan harga ayam segar di pasaran dalam tempoh terdekat," katanya kepada BH, hari ini.

Dalam pada itu, Jeffrey mendedahkan pasaran telur ayam turut mengalami kerugian besar kepada syarikat pengeluar telur di negara ini.

"Sejak Januari lalu, sudah hampir tujuh bulan syarikat pengeluar telur tidak menerima sebarang subsidi yang dijanjikan oleh pihak kerajaan.

"Disebabkan itu, setiap biji telur yang dijual itu akan mengalami kerugian.

"Sebelum ini kerajaan kata akan beri subsidi 10 sen bagi sebiji telur, tetapi sekiranya mereka (kerajaan) tidak beri subsidi berkenaan, syarikat pengeluar telur akan mengalami kerugian besar," katanya.

Jeffrey berkata, sekiranya perkara itu berterusan, syarikat pengeluar telur tidak dapat lagi bertahan.

"Sebab itu sekarang tiada siapa atau mana-mana syarikat pengeluar telur yang berani untuk menambah kapasiti telur di pasaran.

"Kami tidak mahu ada sebarang masalah dengan kerajaan, tetapi apabila kami merujuk kepada pihak berkaitan mengenai subsidi itu, mereka memberi pelbagai alasan.

"Mereka memaklumkan bahawa pegawai yang menguruskan proses subsidi berkenaan sebelum ini sudah bersara dan belum diganti menyebabkan proses pemberian subsidi belum diberikan kepada syarikat pengeluar telur," katanya.

Jun lalu, kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.-

[BHONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR